

## **KENYATAAN AKHBAR**

*untuk siaran segera*

### **BANK MUAMALAT PERKASA KESEJAHTERAAN WANITA DAN PERANCANGAN LEGASI MELALUI INISIATIF KEWANGAN ISLAM BAHARU**

**Kuala Lumpur, 27 Jun 2026** – Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) hari ini melancarkan **dua inisiatif baharu iaitu M-Zahra Takaful MyLadies**, solusi perlindungan Takaful khusus untuk wanita, serta **Kalkulator Faraid Digital**, platform digital perancangan pewarisan Islam yang dibangunkan bersama As-Salihin Trustee Berhad sempena Karnival Celik Kewangan Terengganu 2026.

Pelancaran ini mencerminkan komitmen berterusan Bank Muamalat dalam memperluas akses kepada solusi kewangan Islam yang lebih inklusif, praktikal dan relevan selari dengan keperluan masyarakat masa kini yang semakin memberi perhatian terhadap perlindungan kewangan, kesejahteraan keluarga dan perancangan legasi.

M-Zahra Takaful MyLadies direka khusus untuk menyokong wanita pada setiap fasa kehidupan melalui perlindungan kewangan, manfaat perubatan, simpanan dan perancangan legasi yang selari dengan aspirasi dan gaya hidup wanita moden.

Solusi patuh Syariah ini menawarkan **lima pakej khusus iaitu Safiya, Amara, Rifa'ah, Namaa dan Maryam** yang disesuaikan mengikut keperluan berbeza, dengan sumbangan bermula serendah RM50 sebulan bagi memastikan perlindungan kewangan lebih mudah diakses dan bermakna.

Sebagai simbolik pelancaran M-Zahra Takaful MyLadies, Bank Muamalat turut menyampaikan sumbangan kepada empat persatuan ibu tunggal di negeri Terengganu sebagai tanda sokongan terhadap pemerksaan dan kesejahteraan wanita.

Sementara itu, Kalkulator Faraid Digital diperkenalkan bagi membantu masyarakat Islam membuat pengiraan awal pembahagian harta pusaka secara mudah, cepat dan tepat mengikut prinsip Faraid dan hukum Syariah.

Platform digital mesra pengguna ini dibangunkan bagi meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai pengurusan pewarisan harta serta menggalakkan perancangan legasi dilakukan lebih awal secara tersusun dan bertanggungjawab.

Inisiatif tersebut hadir pada waktu yang signifikan ketika isu harta pusaka tidak dituntut dan pertikaian warisan semakin mendapat perhatian, sekali gus menekankan kepentingan kesedaran terhadap pengurusan harta dalam kalangan masyarakat.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Datuk Khairul Kamarudin berkata wanita hari ini memainkan peranan yang semakin penting bukan sahaja dalam institusi keluarga, malah sebagai penyumbang ekonomi dan pembuat keputusan kewangan.

“Di Bank Muamalat, kami percaya bahawa setiap wanita berhak mendapat perlindungan kewangan yang menyokong aspirasi, kesejahteraan dan jaminan masa depan mereka.

“M-Zahra Takaful MyLadies dibangunkan bukan sekadar sebagai produk perlindungan, tetapi sebagai solusi menyeluruh yang memahami perjalanan hidup dan keperluan wanita masa kini,” katanya.

Beliau berkata, pelancaran Kalkulator Faraid Digital pula mencerminkan komitmen Bank Muamalat dalam memperkukuh literasi kewangan Islam melalui penyediaan solusi digital patuh Syariah yang lebih mudah diakses dan praktikal.

“Perancangan harta yang baik bukan sahaja membantu memastikan pengagihan harta dilaksanakan secara adil menurut Syariah, malah turut memainkan peranan penting dalam memelihara keharmonian keluarga dan memberi ketenangan kepada waris pada masa hadapan,” katanya.

Pelancaran kedua-dua inisiatif ini juga selari dengan komitmen Bank Muamalat terhadap keterangkuman kewangan, pengantaraan berasaskan nilai serta usaha memperluaskan akses kepada solusi kewangan Islam yang relevan dan bermakna untuk masyarakat.

Sepanjang Karnival Celik Kewangan Terengganu berlangsung, pengunjung turut berpeluang menyertai pelbagai program literasi kewangan, sesi konsultasi dan aktiviti komuniti berkaitan perlindungan kewangan, pengurusan kekayaan serta perancangan kewangan Islam.

Untuk maklumat lanjut mengenai M-Zahra Takaful MyLadies dan Kalkulator Faraid Digital, sila layari [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Muamalat berhampiran.

## Tamat

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:  
Mohd Nazrul Hafizi | [mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my](mailto:mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my) | +6017 921 1384  
Hawa Ali | [siti.norhawa@muamalat.com.my](mailto:siti.norhawa@muamalat.com.my) | +6019 239 2077

### Mengenai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat)

Bank Muamalat adalah perbankan Islam terkemuka yang komited untuk menyediakan "Kehidupan Lebih Baik, Bersama" dengan penyelesaian kewangan yang inovatif sejajar dengan prinsip Syariah. Dengan dedikasi untuk mencipta perubahan positif dalam industri kewangan dan fokus yang kukuh kepada kepuasan pelanggan, Bank Muamalat menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disesuaikan untuk individu, perniagaan dan institusi.